

Agnes Chong antara tiga pelajar terbaik SPM Wilayah Persekutuan

Archival News | Berita Harian | 11/03/2005

PELAJAR Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Bandaraya, Agnes Chong Mun Chee adalah antara tiga pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2004 peringkat Wilayah Persekutuan.

Dua lagi calon yang berjaya memperoleh A1 dalam semua 12 mata pelajaran

yang diambil ialah Gurvinderjeet Kaur dari SMK Convent Bukit Nanas dan Calvin Woon Thean Weng dari SMK Seksyen 5, Wangsa Maju.

Mereka ialah sebahagian daripada 313 calon dari Wilayah Persekutuan yang berjaya memperoleh pencapaian cemerlang A1 dan A2 dalam semua mata pelajaran yang diambil.

Agnes berkata, kejayaan itu tidak disangka-sangka kerana dia belajar sendiri di rumah dan hanya mengulang kaji pelajaran jika mahu berbuat demikian.

Sementara itu, Calvin, berkata kejayaan cemerlang dalam SPM itu diperoleh hasil usaha bersungguh-sungguh untuk menjadi terbaik selain bersedia menghadapi cabaran.

Dia yang juga pengawas dan Ketua Disiplin sekolah bercadang untuk membuat permohonan mengikuti program peringkat A-Level ingin melanjutkan pelajaran ke luar negara demi mencapai cita-citanya untuk menjadi seorang

saintis dalam bidang robotik.

Manakala bagi Gurvinderjeet, kejayaan itu boleh dianggap sebagai insentif baginya yang sentiasa belajar secara konsisten, menumpukan perhatian semasa guru mengajar dan tidak malu bertanya jika ada kemusykilan dalam pelajaran.

Anak sulung daripada lima beradik ini bercadang melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan di luar negara.

(END) Source : Berita Harian